



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MOT MELANCARKAN PROGRAM 3 MADANI: SANTUNI MADANI, KAMPUNG ANGKAT MADANI DAN SEKOLAH ANGKAT MADANI PERINGKAT KEMENTERIAN PENGANGKUTAN TAHUN 2025

SEREMBAN, 6 Disember 2025 – Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) hari ini dengan sukacitanya melancarkan **Program 3 MADANI**, yang merangkumi *Santuni MADANI*, *Kampung Angkat MADANI* dan *Sekolah Angkat MADANI* peringkat Kementerian Pengangkutan Tahun 2025. Majlis pelancaran diadakan di Balai Raya Kampung Panchor, Seremban, Negeri Sembilan.

Di bawah **Santuni MADANI**, dua kampung terlibat ialah Kampung Panchor, Seremban yang dipilih oleh YB Menteri Pengangkutan dan Kampung Baru Paroi, Seremban yang dipilih oleh YBhg. Dato' Seri KSU.

Pengisian Program & Pembangunan Infrastruktur Setempat

Program **Santuni MADANI** ini memberi tumpuan kepada penyelesaian isu infrastruktur, melaksanakan aktiviti kesejahteraan rakyat serta memperkukuhkan hubungan rakyat-kerajaan yang dihadapi di kawasan tumpuan. Program Santuni MADANI MOT ini ditumpukan di kedua-dua buah kampung terpilih melalui pelaksanaan di bawah **Kampung Angkat MADANI** seperti :

- **Penaiktarafan gelanggang bola keranjang,**
- **Kerja-kerja membaik pulih tandas awam di gelanggang bola keranjang,** dan
- **Pembinaan papan tanda pengenalan kampung yang baharu.**

MOT turut berperanan sebagai perantara antara penduduk dan agensi kerajaan seperti **Pejabat Tanah dan Galian Negeri Sembilan** dan juga **Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS)** bagi menyelesaikan isu seperti **permohonan pertukaran status**





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

tanah serta masalah paip sambungan. Pada masa yang sama, jabatan/agensi di bawah Kementerian Pengangkutan (MOT) seperti **Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)** pula menyediakan **Perkhidmatan Pertukaran Helmet** , **Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD)** terlibat dengan **Sesi Penyerahan Sekolah Angkat MADANI** manakala **Jabatan Laut Malaysia (JLM)** serta lain-lain jabatan dan agensi kerajaan turut hadir menyantuni masyarakat setempat melalui penyediaan reruai perkhidmatan masing-masing.

Selain itu, kerjasama dengan **Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan** turut dilaksanakan bagi menyediakan perkhidmatan seperti :

- **saringan kesihatan,**
- **pemeriksaan gigi bergerak dan;**
- **pameran berkaitan kesihatan mental serta produk rokok dan vape.**

Program Sekolah Angkat MADANI (SAM) pula merupakan inisiatif di bawah kerangka Ekonomi MADANI bagi memperkukuh Reformasi Perkhidmatan Awam melalui pendekatan **Whole of Government**. Sebanyak 200 sekolah di seluruh negara terpilih sebagai Sekolah Angkat MADANI dengan peruntukan sebanyak RM100,000 setiap sekolah bagi membantu institusi pendidikan yang kurang sumber melalui peningkatan infrastruktur, pembangunan guru, bimbingan pelajar dan peluang sokongan pendidikan lain.

Bagi Kementerian Pengangkutan (MOT), SMK Seri Ampangan di Seremban telah dipilih sebagai sekolah angkat, melibatkan projek bernilai RM100,000 merangkumi :

- **pembekalan aset Google TV untuk kegunaan Pelajar Tingkatan Empat (4),**
- **program *Team building* guru,**
- **kerja menurap jalan serta penyediaan petak parkir bagi meningkatkan kemudahan dan persekitaran pembelajaran di sekolah tersebut.**





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Majlis Perasmian oleh Menteri Pengangkutan

Majlis pelancaran disempurnakan oleh **YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan**, dan turut dihadiri oleh, YB Datuk Haji Mohd Asna Bin Amin, Timbalan Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri merangkap ADUN N9 Lenggeng; YB Dato' Hajah Tengku Zamrah Binti Tengku Sulaiman, EXCO Kesihatan, Perpaduan, Penerangan, Integrasi Nasional dan NGO merangkap ADUN N14 Ampangan; YB Arul Kumar A/L Jambunathan, EXCO Pembangunan Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Pengangkutan; YB Teo Kok Seong, EXCO Perindustrian dan Hal Ehwal Bukan Islam; YB Veerapan A/L Superamaniam, EXCO Keusahawanan, Sumber Manusia, Perubahan Iklim, Koperasi dan Kepenggunaan; Pengurusan Tertinggi Kementerian, Jabatan dan Agensi MOT serta Dif-dif Kehormat.

Dalam ucapannya, YB Loke menegaskan komitmen kerajaan terhadap pembangunan luar bandar:

"Inisiatif ini membuktikan komitmen kerajaan dalam memastikan rakyat luar bandar menerima perhatian sewajarnya. Ia juga memastikan mereka tidak dipinggirkan dalam arus pembangunan negara," katanya.

Penutup

Kementerian Pengangkutan Malaysia akan terus bekerjasama dengan agensi pusat, kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan dan komuniti bagi memastikan aspirasi MADANI dapat diterjemahkan melalui program yang memberi impak langsung kepada rakyat.

**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
6 DISEMBER 2025**

-TAMAT-

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT, KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

E-mel : sua@mot.gov.my / unitkomunikasikorporat@mot.gov.my

